

**Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK**  
**Tempat: PERKARANGAN STADIUM BUKIT JALIL**  
**Tarikh: 16-07-2004**  
**Tajuk : MAJLIS PELANCARAN PENGGERAK RAKAN MUDA**

YB. Datuk Azalina binti Dato' Othman Said, Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YB. Dato' Ong Tee Keat, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YB. M.S. Vigneswaran, Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, YB. Dato' Hj. Abd. Rahman Palil, exco negeri Selangor, YB. Datuk Raghevan a/l Raman, exco negeri Melaka, YB. Dato' Mohd Zaim bin Abu Hassan, exco negeri Perak, Y.Bhg. Dato' Talaat bin Haji Husain, Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan, YBhg. Dato' Nik Muhamad bin Nik Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato' Raja Ruslan bin Raja Samah, Ketua Pengarah Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan, Pegawai-pegawai kanan kementerian, dif-dif jemputan, Saudara-saudari, barisan Penggerak Rakan Muda dan hadirin sekalian,

Saya ingin melahirkan rasa gembira saya kerana dengan izin Allah saya dapat hadir bersama saudara/saudari dalam satu majlis yang sangat penting dalam usaha kerajaan membangunkan generasi muda. Sesungguhnya Majlis Pelancaran Penggerak Rakan Muda ini adalah bukti nyata bahawa kerajaan sentiasa menumpukan usaha dan memberi keutamaan ke arah membangunkan potensi generasi muda sebagai aset yang tidak ternilai harganya kepada negara.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana memberi penghargaan kepada saya untuk menyempurnakan majlis ini. Saya amat yakin usaha ini adalah permulaan yang baik bagi meningkatkan lagi impak program rakan muda selaras dengan matlamat murni pengwujudannya untuk mencerna potensi tertinggi golongan belia supaya dapat menyumbang dengan produktif kepada negara.

Saudara/saudari,

Program rakan muda yang telah dilancarkan hampir sepuluh tahun yang lalu memerlukan pendekatan-pendekatan baru bagi membolehkan ia terus diminati dan menepati matlamat penubuhannya. Walaupun program ini telah dilaksanakan

dengan banyak kejayaan dalam tempoh tersebut, saya yakin masih ada ruang untuk kita meningkatkan lagi pelaksanaan program ini khususnya dari segi pendekatan yang lebih menarik bagi memenuhi keperluan dan citarasa anak-anak muda. Saya juga dimaklumkan bahawa dalam tempoh pelaksanaannya berbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan program ini sentiasa relevan dan mendapat sokongan yang berterusan di kalangan anak-anak muda.

Saudara/saudari,

Apa yang paling penting ialah hasrat kerajaan untuk melihat program rakan muda terus dapat menembusi semua kumpulan sasaran belia yang berjumlah 9.8 juta orang. Melalui program ini kerajaan akan dapat menyalurkan sokongan bantuan kepada golongan belia dan memastikan mesej serta program-program pembangunan belia dapat dinikmati oleh semua. Berasaskan kepada keperluan inilah maka saya amat menyokong usaha Kementerian Belia dan Sukan mewujudkan satu barisan Penggerak Rakan Muda yang akan dapat memainkan peranan di peringkat akar umbi di segenap pelusuk negara. Saya penuh yakin bahawa barisan penggerak ini adalah mereka yang terpilih dari peserta program latihan khidmat negara, sukarelawan rakan muda dan graduan universiti yang memiliki sikap dan sifat yang cemerlang serta komited untuk membantu usaha kerajaan. Saya pasti saudara/saudari yang telah terpilih ini telah memenuhi semua kriteria yang ditetapkan oleh kementerian untuk menyumbang khidmat bakti demi memeriahkan lagi pelaksanaan program rakan muda demi kemajuan bangsa dan negara.

Saudara/saudari,

Sebagai tenaga di barisan hadapan, kita mempunyai peranan yang begitu strategik dan mencabar. Di tangan andalah kerajaan meletakkan harapan untuk menyaksikan kapasiti keberkesanan program dapat ditingkatkan dan pengendalian aktivitinya dimantapkan. Di samping itu anda perlu memainkan peranan bagi menjalin koordinasi yang lebih efektif dengan sektor swasta, NGO, Institusi Sosial dan agensi-agensi kerajaan. Pada setiap masa saudara dituntut untuk bergerak dengan aktif, memahami kehendak dan citarasa terkini anak-anak muda dan berusaha dengan kreatif serta inovatif dengan menyediakan aktiviti-aktiviti selaras dengan tuntutan dan enviromen semasa.

Adalah menjadi iltizam kerajaan hari ini untuk melahirkan satu masyarakat yang progresif, makmur dan cemerlang. Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan telah menumpukan usaha membina kepimpinan generasi muda supaya menjadi pewaris bangsa yang cemerlang dan dapat meneruskan perjuangan serta dapat menguasai cabaran-cabaran di era kemajuan dunia yang serba pantas dan kompleks. Bagi tujuan mencapai kemajuan negara yang lebih cemerlang dan menjayakan pembinaan negara ke arah negara maju yang gemilang, kerajaan akan terus komited dan sedia melabur sumber negara dengan sewajarnya bagi memastikan generasi muda dibimbing, dibangunkan dan mendapat peluang yang seimbang dalam kemajuan sosial ekonomi negara . Saya ingin memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus meningkatkan proram-program pembangunan belia meliputi latihan kemahiran, pembangunan kepimpinan, pembangunan keusahawanan, pembangunan sosial dan budaya serta program rakan muda yang sedia ada di samping dalam masa yang sama meneroka bidang-bidang pembangunan baru demi masa depan negara.

Saudara/saudari,

Adalah sangat jelas kepada saya bahawa inisiatif mewujudkan Penggerak Rakan Muda sebagai tunjang baru bagi memperkukuh gerakan pembangunan belia yang kita mulakan hari ini adalah usaha yang wajar mendapat sokongan semua pihak. Saya berharap semua pihak khususnya para Penggerak Rakan Muda akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan dedikasi, jujur dan amanah.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacita merasmikan pelancaran Penggerak Rakan Muda.

Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.